



کمنتريڻ سومبر ۲ اوتام دان قانچوڻ

MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM
BRUNEI DARUSSALAM

MAJLIS SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB, MEMBACA SURAH YASSIN, DOA SELAMAT DAN SEMBAHYANG FARDHU ISYAK BERJEMAAH SEMPENA MEMPERINGATI HARI HUTAN ANTARABANGSA 2017

**JABATAN PERHUTANAN,
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
Tempat: MASJID JAME' ASR HASSANIL BOLKIAH
Tarikh: 21 JAMADILAKHIR 1438H BERSAMAAN 20HB MAC 2017M**

PRESS RELEASE

Bandar Seri Begawan, 20hb Mac 2017. Jabatan Perhutanan telah mengadakan Majlis Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah, Membaca Surah Yassin, Doa Selamat dan Sembahyang Fardhu Isyak berjemaah sempena Hari Hutan Antarabangsa 2017 pada 22 Jamadilakhir 1438H bersamaan 21hb Mac 2017, bertempat di Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat di Majlis ini ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir di majlis ini ialah Yang Mulia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim, Pemangku Pengarah Perhutanan selaku Pengerusi Majlis.

Seramai lebih kurang 250 orang telah menghadiri majlis ini yang terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan dibawahnya serta pengusaha-pengusaha di bawah sektor perhutanan.

Majlis Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah, Membaca Surah Yassin, Doa Selamat dan Sembahyang Fardhu Isyak berjemaah ini adalah merupakan acara keugamaan yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan yang merupakan acara pembuka tirai bagi acara-acara sempena memperingati Sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini, yang telah dirancang dan disusun oleh Jabatan Perhutanan.

--oo0oo--